

Dasar kualiti dan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar Semperit



Quality



Safety



Health



Environment

Kami akan memastikan semua pekerja sedar akan tugas dan tanggungjawab mereka bagi memenuhi serta mengekalkan sistem pengurusan Gabungan Semperit kami. Komitmen kami adalah untuk mematuhi keperluan undang-undang dan keperluan lain yang terpakai di setiap negara yang kami mengurus niaga dan untuk memastikan perundingan dan penyertaan pekerja kami mengenai perkara keselamatan & kesihatan pekerjaan. Semua pekerja dikehendaki bekerja secara proaktif dan terlibat dalam penambahbaikan yang berterusan. Cadangan untuk penambahbaikan telah diteliti bagi memberi kecekapan dan dikreditkan dengan pelaksanaan yang pantas dan bersesuaian. Kami meletakkan piawaian global yang mencukupi dan sesuai di tempat kami serta menyediakan sumber dengan cara yang teliti dan difikirkan perlu bagi mencapai matlamat ini. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk mengkaji semula prestasi syarikat dan pematuhan kami dengan dasar ini.

Dasar ini mencerminkan budaya syarikat kami dan nilai korporat. Integrasi lengkap kualiti dan pemikiran keselamatan, kesihatan dan alam sekitar adalah sebahagian daripada sasaran kami dan asas untuk menentukan matlamat, objektif dan program untuk mencapai peningkatan berterusan. Ini juga menunjukkan dengan pelaksanaan dan integrasi konsep "Pengilangan Kelas Dunia", yang mengikuti falsafah "Sifar adalah angka yang terbaik" dengan pengkhususan dalam bidang Kualiti + Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar.

Kualiti

- Kami mengeluarkan produk berasaskan "Pemikiran Kecacatan Sifar" dengan cara yang paling ekonomik dan sesuai dengan keperluan pelanggan dan produk kami.
- Kami adalah rakan kongsi jangka panjang yang sangat boleh dipercayai oleh pelanggan-pelanggan kami dengan mengambil kira kualiti produk, kemajuan teknologi dan keberkesanan kos.
- Kita semua bertanggungjawab terhadap kualiti kerja kita, yang selaras dengan tanggungjawab yang diamanahkan! Oleh itu, kami mematuhi keperluan yang sesuai.
- Kami percaya bahawa kualiti adalah satu bahagian penting dalam setiap aktiviti! Pada setiap masa dan di setiap bahagian kerja di seluruh syarikat kami.

Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

- Untuk mencapai "Kemalangan Sifar", kami telah menggariskan bahawa tiada tugas yang lebih penting berbanding risiko keselamatan, kesihatan dan persekitaran.
- Kami merancang, menguruskan dan mengendalikan kilang kami untuk memaksimumkan keselamatan, menghapuskan bahaya, menjaga kesihatan & kesejahteraan pekerja, pelawat, pembekal, kontraktor dan pihak berkepentingan yang lain, serta menggalakkan penggunaan tenaga secara efisien, melindungi alam sekitar dan mencegah pencemaran.
- Kami mengenal pasti, menilai, dan mengurus aspek Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar untuk mengurangkan risiko dan kesan operasi kami yang sedia ada dan masa depan dan kami mengambil tanggungjawab sosial untuk pekerja kami.
- Kami menggunakan kemahiran yang ada untuk semua aspek Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar dalam merekabentuk produk, pembangunan proses, projek dan perkhidmatan.
- Kami merancang untuk bertindak dan memulihkan dari sebarang kecemasan, krisis, dan gangguan perniagaan. Sebarang kebimbangan mengenai Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar akan dikaji semula dan bertindak balas dengan tindakan yang ditakrifkan dengan cara yang sesuai.

Untuk mencapai matlamat yang mencukupi latihan, maklumat dan arahan mengenai kualiti, keselamatan tempat kerja dan bahaya kesihatan, perlindungan alam sekitar, dan aktiviti tenaga secara sistematik dilancarkan. Lembaga pengurusan dan semua pekerja komited sepenuhnya terhadap dasar Kualiti dan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar ini dengan menggariskan bahawa jaminan peningkatan yang berterusan menjamin daya saing dan kejayaan yang berterusan!

Bagi Lembaga Pengurusan
Dr. Martin Füllenbach/CEO

SEMPERIT